

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN JUGAH ANAK MUYANG @TAMBAT
[LUBOK ANTU]
TARIKH : 05 DISEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 13

Y.B. TUAN TAMBAT@JUGAH AK MUYANG [LUBOK ANTU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan menubuhkan perkhidmatan bank di Kawasan Pekan Engkilili memandangkan daerah ini agak jauh dari bank yang terdekat bagi tujuan keperluan warga tani dan guru-guru yang berkhidmat di luar bandar dan pedalaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, terdapat empat (4) ejen bank (EB) yang telah dilantik oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) bagi menyediakan perkhidmatan perbankan untuk penduduk sekitar Lubok Antu dan kawasan Pekan Engkilili. Selain itu, terdapat juga cawangan kiosk Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank). Melalui ejen bank BSN, penduduk daerah Lubok Antu boleh mendapatkan akses kepada perkhidmatan perbankan asas seperti deposit dan pengeluaran wang, pembayaran bil serta pembukaan akaun.

Secara umumnya, faktor-faktor yang diambil kira oleh sesebuah institusi kewangan dalam membuat penilaian bagi pembukaan cawangan di kawasan yang telah pun mempunyai cawangan bank adalah seperti:-

1. kemampuan daya saing; dan
2. kemampanan bank dalam jangka masa panjang

Penilaian ini adalah berasaskan anggaran keperluan dan penggunaan sebenar perkhidmatan kewangan oleh penduduk.